

Pelabuhan enggan urus kargo Malaysia

Oleh Shahrizal Sanusi dan Azhar Abu Samah

MELAKA, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan kegiatan pekerja pelabuhan di luar negara memulau kerja pemungahan barangan Malaysia.

Perdana Menteri berkata, pemulauan itu berikutan tindakan pemimpin kesatuan sekerja di negara ini menghasut kesatuan sekerja negara berkenaan supaya memulau kerja pemungahan barangan Malaysia di pelabuhan mereka.

"Mereka menyuruh pekerja pelabuhan asing memboikot barangan negara ini dengan tidak memungahnya ke pelabuhan. Mereka juga membuat pelbagai ugutan supaya ekonomi kita rosak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang tekstil Hualon Corporation, di Tangga Batu, di sini.

Kilang milik syarikat Taiwan di kawasan 10 hektar itu mengeluarkan benang polyester dan fabrik kelabu.

Kira-kira 95 peratus pengeluaran kilang itu akan dieskport ke Asia Tenggara, Timur Tengah dan Eropah, manakala selebihnya untuk kegunaan tempatan.

Hualon melabur lebih \$300 juta dan memasang pelbagai mesin canggih untuk menjalankan operasinya di Tangga batu.

Berita Harian difahamkan, tindakan menyekat barangan Malaysia masuk ke negara lain berlaku di Eropah, terutama memabatkan hasil keluaran balak.

Sumber Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) berkata, perkara itu berlaku tahun lalu apabila hasil kayu negara yang dieksport dengan kapal melalui pelabuhan di Eropah, disekat daripada memasuki negara berkenaan.

Dr Mahathir kesal kerana pemimpin kesatuan terbabit sanggup memburuk dan merosakkan ekonomi negara, semata-mata untuk memenuhi kepentingan mereka tanpa memikirkan kesan yang ditanggung oleh pekerja yang memilih mereka.

"Bagi mereka, biarlah peluang kerja tidak ada asalkan dapat apa yang dikehendaki. Yang mereka mahu ialah jadi pemimpin kesatuan yang besar, boleh kutip duit yang banyak dan memburukkan kerajaan.

"Kerajaan mengingatkan pihak pekerja bahawa peluang kerja yang mereka perolehi itu bukan kerana usaha kesatuan, tetapi usaha kerajaan yang menarik pelabur asing untuk mewujudkan peluang kerja," katanya.

Dr Mahathir berkata,

jika dibenarkan oleh kerajaan, pemimpin kesatuan sekerja lebih suka tidak ada peluang pekerjaan di negara ini supaya mereka boleh menganjurkan mogok dan membuat pelbagai ugutan.

Katanya, pemimpin kesatuan sekerja sebenarnya lebih berminat jadi pemimpin yang kerjanya mengutip wang yuran ahli, dapat gaji tanpa perlu bekerja dan berpeluang ke merata tempat dengan memberi alasan kononnya mewakili pekerja ke persidangan di luar negara.

"Mereka tidak pernah membelanjakan wang untuk menarik pelabur. Malah, kalau disuruh pun, mereka akan bercerita mengenai hak pekerja untuk mogok menyebabkan pelabur takut melabur di negara ini," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, jika pertumbuhan ekonomi negara meningkat 8.5 setiap tahun, Malaysia mampu mencapai matlamat sebuah negara industri lebih awal daripada tahun 2020.

Beliau mengulangi kesal terhadap sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pemimpin kesatuan sekerja yang mendedak supaya Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menyingkir Malaysia daripada menganggotai pertubuhan itu.